



SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK

BILANGAN 5 TAHUN 2026

**GARIS PANDUAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(PENGENDALIAN PLAGIAT)
2026**

Bahagian Hal Ehwal Akademik
5 Mei 2026

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 5 TAHUN 2026

GARIS PANDUAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(PENGENDALIAN PLAGIAT)
2026

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan Mesyuarat Senat Kali Ke-256 Bil. 5/2026 pada 5 Mei 2026 telah bersetuju meluluskan pemakaian Garis Panduan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Pengendalian Plagiat) 2026.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola UPSI Kali Ketiga Bil. 3 Tahun 2024 bertarikh 5 Disember 2024 telah mengesyorkan supaya satu garis panduan khusus bagi pengendalian kes plagiat diwujudkan, yang boleh dijadikan rujukan kepada warga UPSI, dengan mengambil kira aspek penggunaan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence, AI*) yang semakin berkembang selaras dengan kemajuan teknologi.

3.0 JUSTIFIKASI

- 3.1 Garis panduan ini disediakan untuk membantu individu atau pihak yang berkenaan untuk mengendalikan kes plagiat dengan baik.
- 3.2 Garis panduan ini juga menjelaskan berkenaan dengan tahap bagi plagiat yang berlaku untuk individu atau pihak berkenaan mengambil tindakan yang bersesuaian.

4.0 CADANGAN PELAKSANAAN

- 4.1 Garis panduan ini menjelaskan dengan terperinci bagi pengendalian plagiat di UPSI yang mengandungi perkara-perkara berikut:
- i. Pengenalan
 - ii. Skop Pemakaian
 - iii. Definisi Plagiat
 - iv. Tahap Plagiarisme
 - v. Penanda Plagiarisme / Indeks Kesamaan
 - vi. Proses Aduan dan Siasatan
 - vii. Tanggungjawab Pihak Berkaitan
 - viii. Pencegahan dan Penyedaran
 - ix. Rujukan

5.0 KEPUTUSAN SENAT

- 5.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju meluluskan pemakaian Garis Panduan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Pengendalian Plagiat) 2026.
- 5.2 Garis Panduan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Pengendalian Plagiat) 2026 adalah seperti di **Lampiran A**.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 5 Mei 2026.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**



(SUHAILA SĪDEK)
Ketua Timbalan Pendaftar
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Tarikh: 5 Mei 2026

LAMPIRAN A



Tarikh Kuat kuasa:

Tarikh Pindaan:

Pusat Tanggungjawab:
Pejabat Timbalan
Naib Canselor
Akademik &
Antarabangsa

GARIS PANDUAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

GARIS PANDUAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (PENGENDALIAN PLAGIAT) 2026

DISEDIAKAN OLEH:
PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK &
BAHAGIAN PERUNDANGAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**GARIS PANDUAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(PENGENDALIAN PLAGIAT)
2026**

SUSUNAN PERENGGAN-PERENGGAN

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Perenggan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II
TAHAP PLAGIARISME**

3. Tahap satu
4. Tahap dua
5. Tahap tiga
6. Indeks kesamaan

**BAHAGIAN III
PROSES KERJA PENGENDALIAN PLAGIAT**

7. Proses kerja

**BAHAGIAN IV
TANGGUNGJAWAB**

8. Tanggungjawab Ketua PTj
9. Tanggungjawab Unit Integriti

Perenggan

10. Pencegahan dan Penyedaran

BAHAGIAN V

AM

11. Pemakaian dan Pengecualian

12. Rujukan

**GARIS PANDUAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(PENGENDALIAN PLAGIAT)
2026**

BAGI memastikan tadbir urus yang terbaik, Universiti Pendidikan Sultan Idris membuat garis panduan yang berikut:

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Garis Panduan ini boleh dinamakan **Garis Panduan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Pengendalian Plagiat) 2026**.

(2) Garis Panduan ini mula berkuat kuasa pada 5 Mei 2026.

Tafsiran

2. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Kakitangan” ertinya seseorang yang diambil bekerja secara tetap, sementara atau kontrak oleh UPSI dan dibayar emolumen oleh UPSI dan termasuklah seseorang yang dipinjamkan ke mana-mana:

- perbadanan subsidiari atau syarikat atau
- badan berkanun lain atau
- Kementerian, jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan atau
- Jabatan atau agensi kerajaan mana-mana Negeri atau mana-mana syarikat yang dalamnya Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri yang mempunyai kepentingan.

“Pelajar” ertinya seorang pelajar berdaftar, selain pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan Universiti yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, praijazah, lepas

ijazah atau lepas kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau dari Universiti dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah.

“Pelaku” ertinya kakitangan atau pelajar yang melakukan tindakan plagiarisme;

“Plagiat” ertinya tindakan mengambil atau menonjolkan idea, penulisan, data, atau ciptaan orang lain sebagai hasil sendiri tanpa memberikan pengiktirafan sewajarnya. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada petikan verbatim tanpa rujukan, memparafrasa tanpa atribusi, penggunaan karya terdahulu sendiri (swa-plagiarisme) atau sumber yang tidak merujuk atau dirujuk secara mengelirukan.

“PTj” ertinya Pusat Tanggungjawab di dalam Universiti;

“Universiti” ertinya Universiti Pendidikan Sultan Idris;

BAHAGIAN II TAHAP PLAGIARISME

Tahap satu

3. (1) Plagiarisme tahap satu merujuk kepada perbuatan seperti memetik, merujuk atau memparafrasakan secara tidak lengkap atau mengelirukan untuk menipu atau melakukan salah laku akademik.

(2) Namun demikian, jika pelaku mengulangi kesalahan pada tahap ini, kes tersebut boleh dinaik taraf dan diklasifikasikan sebagai plagiarisme Tahap Dua atau Tahap Tiga.

(3) Kes ini boleh dikendalikan di peringkat PTj.

Tahap dua

4. (1) Plagiarisme tahap dua merujuk kepada pelaku yang mengulangi perbuatan di

Tahap satu. Pada tahap ini, plagiarisme dianggap sebagai salah laku akademik yang serius.

(2) Kes ini boleh dikendalikan di peringkat PTj.

Tahap tiga

5. (1) Plagiarisme pada tahap ini merujuk kepada karya yang ditiru secara jelas dan terbukti melalui tesis, penerbitan atau mana-mana dokumen yang menunjukkan kadar kesamaan yang tinggi (seperti dinyatakan dalam perenggan 6) pada bab atau perenggan tertentu.

(2) Ini juga termasuk perbuatan yang diulang oleh pelaku yang mengulangi perbuatan di Tahap Satu sebanyak lebih daripada dua kali. Pada tahap ini, plagiarisme dianggap sebagai salah laku akademik yang sangat serius.

(3) Ketua PTj hendaklah melaporkan kes ini kepada Unit Integriti.

Indeks kesamaan

6. (1) Universiti menetapkan indeks kesamaan yang dibenarkan adalah seperti berikut iaitu:

- (a) Disertasi Awal/Tesis Awal/ Kertas Projek Pelajar Pengajian Siswazah dan Projek Tahun Akhir/Penulisan Projek Tahun Akhir Prasiswazah adalah dengan indeks kesamaan 29% dan ke bawah; dan
- (b) Penerbitan Buku: Indeks kesamaan tidak boleh melebihi 30%, kecuali untuk bahagian yang memerlukan petikan langsung.


(2) Indeks kesamaan yang melebihi perenggan 6(1)(a) dan 6(1)(b) adalah diklasifikasikan sebagai plagiarisme.

BAHAGIAN III

PROSES KERJA PENGENDALIAN PLAGIAT

Proses kerja

7. Proses kerja pengendalian plagiat adalah seperti berikut:



TANGGUNGJAWAB

Tanggungjawab Ketua PTj

8. (1) Ketua PTj bertanggungjawab untuk melaksanakan siasatan awal di peringkat PTJ.
- (2) Laporan siasatan awal tersebut hendaklah dipanjangkan kepada Unit Integriti, jika perlu.

Tanggungjawab Unit Integriti

9. Unit Integriti bertanggungjawab untuk mengambil tindakan seperti berikut:
 - (a) Menerima aduan/ laporan awal berkaitan dengan plagiarisme;
 - (b) Menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Integriti Akademik (JKIA) yang berperanan seperti berikut:
 - i. Meneliti dan menilai laporan awal siasatan yang dikemukakan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj);
 - ii. Meneliti segala dokumen/transaksi berkaitan dengan plagiarisme serta membuat penentuan dari segi sudut pelanggaran peraturan dan akta yang berkuat kuasa;
 - iii. Menjalankan siasatan lanjut bagi mendapatkan penjelasan secara langsung daripada pihak yang dituduh (pelajar/staf) serta saksi-saksi berkaitan untuk memastikan prinsip keadilan asli (natural justice) dipatuhi;
 - iv. Mengesahkan tahap keseriusan pelanggaran akademik (sama ada dikategorikan sebagai kecuai akademik, plagiarisme minor, atau plagiarisme major) berdasarkan bukti-bukti teknikal yang dikumpul;
 - v. Mengemukakan syor tindakan tatatertib kepada Bahagian Perundangan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971, Akta 605 atau Kaedah-Kaedah Tatatertib Pelajar UPSI; dan

- vi. Mengenal pasti punca ketirisan atau kelemahan prosedur di peringkat PTj yang membolehkan kecurangan akademik berlaku dan mencadangkan langkah penambahbaikan bagi menghalang perkara tersebut berulang.

Pencegahan dan Penyedaran

10. Pusat Tanggungjawab yang berkaitan perlu melaksanakan sesi kesedaran secara berkala melalui bengkel, taklimat, modul dalam kursus wajib, dan kempen integriti akademik.

BAHAGIAN V

AM

Pemakaian dan Pengecualian

11. Garis panduan ini hendaklah terpakai kepada semua PTj yang mengendalikan kes plagiat di Universiti.

Rujukan

12. Garis panduan ini disediakan dengan merujuk kepada dokumen-dokumen berikut—
 - (a) Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 Peringkat Sarjana Muda (Pindaan 2025);
 - (b) Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008 Peringkat Diploma (Pindaan 2025);
 - (c) Buku Panduan Pengurusan Akademik UPSI (Pindaan 2025);
 - (d) Buku Panduan Penulisan Tesis / Disertasi (Diluluskan dalam Mesyuarat Senat Bil.5/2023 16 Mei 2023 & Dikemaskini November 2024);
 - (e) Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Pindaan 2021;
 - (f) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971;
 - (g) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000;
 - (h) Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Tatatertib Pelajar) 2024;

- (i) Garis Panduan Pengurusan Aduan UPSI;
- (j) Buku Peraturan Akademik Program Pengajian Siswazah (2024);
- (k) Garis Panduan Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan Generatif dalam Pembelajaran dan Pengajaran Pendidikan Tinggi, KPT;
- (l) Garis Panduan Pengadaptasian AI Sektor Awam (Jabatan Digital Negara, 2025);
- (m) Garis Panduan Penggunaan Kecerdasan Buatan Generatif Dalam Penulisan dan Semakan Tesis/Disertasi/Kertas Projek/Tugasan Pengajian Siswazah (Mesyuarat Senat Kali ke-251 Bil 11/2025 bertarikh 9 Disember 2025); dan
- (n) Lain-lain dokumen yang berkaitan dari masa ke masa.

Dibuat pada 5 Mei 2026

[Senat Kali Ke-256 Bil. 5/2026 bertarikh 5 Mei 2026]